

Kuala Lumpur

# Ekuinas kuasai 40% Exabytes

**Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas)** meluaskan portfolio perniagaannya dengan mengambil alih 40 peratus kepentingan dalam syarikat penyedia pengehosan web dan perkhidmatan awan, Exabytes Capital Group (Exabytes) untuk sejumlah RM44 juta dengan pilihan untuk menambah kepentingannya sehingga 54 peratus.

Dilancarkan pada 2001, Exabytes memberi

perkhidmatan kepada lebih 100,000 pelanggan di Asia Tenggara, termasuk individu, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), syarikat senaraian awam dan agensi kerajaan.

Menerusi penguasaan pasaran hampir 30 peratus di Malaysia dan rekod perkhidmatan kukuh lebih 18 tahun, Exabytes dijangkakan terus berkembang selari pertumbuhan industri.